



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**PERTANDINGAN PERSAHABATAN
BOLING ANGKASA DAN MEDIA 2022**



**31 DISEMBER 2022 (SABTU)
2.00 PETANG
SUNWAY MEGALANES, SUNWAY
PYRAMID, SUBANG JAYA, SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualikum W.B.T



Salam sejahtera dan Salam Koperasi

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana diberi kesempatan bersama – sama bertemu, beriadah, merehatkan



KOPERASI PRIHATIN
SELITA PEMPAANG
BERSAMA SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI



ANGKATAN
MENGULANG ASPIRASI
KOPERASI 1977-2022



angkasa



100 TAHUN GERAKAN KOPERASI
MEMBANGUN KELUARGA MALAYSIA



minda dan beramah mesra bagi tujuan mengeratkan silaturahmi dan ukhwah melalui Penganjuran Pertandingan Persahabatan Boling ANGKASA dan Media 2022.

2. Di kesempatan ini saya mewakili Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad atau lebih dikenali



sebagai ANGKASA ingin mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan kepada rakan serta wakil media atas kesudian hadir ke pertandingan ini.

3. Sesungguhnya kehadiran anda semua amat bermakna kerana melalui sokongan berterusan daripada



rakan – rakan media, usaha ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa dalam menggerak serta memacu perniagaan koperasi dapat disebarluas dan menjadi perhatian bukan sahaja oleh masyarakat umum malah dari pihak



kerajaan, swasta dan semua pemegang taruhnya.

4. Peranan penting yang dimainkan oleh warga media dalam aspek pembangunan negara menerusi gerakan koperasi tidak harus disangkal oleh mana – mana pihak. Media menerusi kepelbagaian platformnya



sekitar lama menjadi penghubung bagi antara ANGKASA dan pemegang taruhnya menerusi terbitan berita dan penulisan yang berterusan menerusi isu – isu utama berkenaan gerakan koperasi dan impak yang disalurkan secara terus kepada pembangunan ekonomi negara dan masyarakat.



5. Dari segi ekonomi dari dulu sehingga sekarang, koperasi menjadi institusi penting dalam meningkatkan taraf ekonomi anggota dan masyarakat. Malah kebanyakan kerajaan di dunia menggunakan koperasi sebagai saluran untuk membasmi kemiskinan. Malaysia juga tidak terkecuali dalam hal ini.



6. Di Malaysia, ANGKASA bersama – sama dengan kerajaan serta agensinya giat mencari solusi kepada cabaran kos sara hidup lebih – lebih lagi pada era pasca pandemik COVID-19. Pelbagai usaha telah digerakkan seperti Projek Barang Asas 100 (BA100), Ternakan Lembu Tenusu Heifer’s Park dan lain – lain. Saya amat



berterima kasih kerana usaha – usaha ini telah mendapat liputan yang amat baik daripada rakan – rakan media yang dikasihi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. ANGGASA dan media mempunyai hubungan simbiosis yang amat rapat



dan hubungan ini terus diperkukuhkan dari tahun ke tahun. Adalah menjadi harapan saya, dan seluruh warga ANGKASA supaya hubungan ini dapat dikekalkan dan dipereratkan lagi dalam mencapai hasrat murni menyebarkan maklumat mengenai koperasi sebagai wadah perjuangan ekonomi yang mapan baik kepada



masyarakat mahupun kepada negara.

8. Pada hari ini, saya difahamkan kejohanan ini telah disertai **30 pasukan** dengan penyertaan seramai **90 orang**. Setinggi -tinggi tahniah diucapkan kepada Bahagian Komunikasi Korporat atas kejayaan menganjurkan



program pada hari ini serta manjadi jambatan penghubung antara ANGKASA dan pengamal media selama ini.

9. Program yang diadakan pada hari ini, iaitu pertandingan boling juga adalah salah satu sumbangan terhadap prinsip koperasi iaitu



berprihatin terhadap masyarakat. Selain terlibat dalam aktiviti ekonomi, koperasi juga turut membudayakan gaya hidup sihat kepada anggota serta masyarakat umum. Pendek kata peranan koperasi dalam aspek kehidupan manusia adalah menyeluruh dan mencakupi segala perkara. *Cooperative is a way of life.*



Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Saya tidaklah bercadang untuk berucap lama. Besar harapan saya dan juga ANGKASA agar hubungan baik sasama kita akan terus dipererat serta diperkukuh. Terima kasih juga diucapkan kepada rakan – rakan media kerana sokongan berterusan



dalam menyebarkan agenda
ANGKASA untuk terus mendukung cita
– cita kerajaan dalam
membangunkan sosiekonomi yang
berdaya maju dan sejahtera untuk
rakyat Malaysia.



11. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Pertandingan Persahabatan Boling ANGKASA dan Media 2022.

Sekian, terima kasih.